

Between Knowledge or Story: Analysis of Restu Novel As A Malay Literature Subject Text Based on The Idea of New Literature

Muhammad Zarif Hassan @ Zulkifli¹, Mohd. Zariat Abdul Rani²,
Salmah Jan Noor Muhammad²

¹Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia, ²Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

Email: zarif@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i12/20382> DOI:10.6007/IJARBS/v13-i12/20382

Published Date: 30 December 2023

Abstrak

Kajian ini bertitik tolak daripada pertembungan dua pandangan berbeza terhadap kualiti kandungan teks novel *Restu* yang merupakan teks mata pelajaran kesusasteraan Melayu. Di suatu pihak, *Restu* dikatakan mengandungi ilmu, manakala di pihak yang lain pula kualiti penceritaannya dikatakan lemah. Perbezaan pandangan berkaitan kualiti kandungan teks novel *Restu* dapat dilihat sebagai suatu permasalahan yang wajar untuk ditangani. Bagi merungkai permasalahan ini, kajian ini menggunakan pendekatan tekstual analisis yang memanfaatkan Gagasan Persuratan Baru (PB) sebagai kerangka analisis. PB menawarkan alat-alat analisis yang praktikal bagi tujuan analisis teks iaitu "Paksi Naratif", "Ruang Naratif", "Isian Wacana", "Isian Cerita". Dengan menerapkan alat-alat analisis PB, kajian ini dapat memperincikan isi kandungan novel-novel yang dikaji. Kajian ini mengenal pasti novel *Restu* mengetengahkan "dilema percintaan" sebagai "Paksi Naratif". Selari dengan "Paksi Naratif" tersebut, analisis mengenal pasti "Ruang Naratif" *Restu* diisi dengan "Isian Cerita" (Cerita) yang memanipulasikan beberapa alat penceritaan khususnya watak dan plot. Fokus utama novel hanya untuk membikin cerita dan kecenderungan ini telah mengakibatkan pengabaian "Isian Wacana" (Ilmu) sepanjang penceritaan novel. Analisis ini menyanggah dakwaan bahawa novel *Restu* mengandungi "ilmu", sebaliknya hanya berlegar pada tahap cerita dan membikin-cerita semata-mata.

Kata Kunci: Ilmu, Cerita, Paksi Naratif, Ruang Naratif, Isian Cerita, Isian Wacana.

Abstract

This study is based on the clash of two different views on the quality of the text content of Restu novel which is a Malay literature subject text. On the one hand, Restu is said to contain knowledge, while on the other hand, the quality of the narration is said to be weak. The

difference of opinion regarding the quality of the content of Restu novel text can be seen as a problem that should be addressed. In order to unravel this problem, this study uses a textual analysis approach that utilizes New Literary Ideas (PB) as an analytical framework. The New Literacy Ideas (PB) offers practical analysis tools for the purpose of text analysis namely "Narrative Axis", "Narrative Space", "Discourse Fill", "Story Fill". By applying PB analysis tools, this study can detail the contents of the novels studied. This study identifies the Restu novel highlighting the "romantic dilemma" as the "Narrative Axis". Parallel to the "Narrative Axis", the analysis identified Restu's "Narrative Space" filled with "Story Filling" (Story) that manipulates several storytelling tools, especially characters and plots. The main focus of the novel is just to create a story and this tendency has resulted in the neglect of "Discourse Fill" (Knowledge) throughout the narration of the novel. This analysis refutes the claim that Restu's novel contains "knowledge", instead it only hovers at the story level and build up stories.

Keywords: Knowledge, Story, Narrative Axis, Narrative Space, Story Fill, Discourse Fill

Pengenalan

Restu merupakan novel karya Ismail Kassan yang merupakan seorang penulis kreatif tempatan yang cenderung bergiat aktif dalam penulisan skrip drama. Ismail Kassan (Ab. Rahman et al., 2001: 9) menyatakan bahawa novel *Restu* dihasilkan sempena Sayembara Melayu Baru yang diselenggarakan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) di bawah tajaan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad pada tahun 1993. Dalam sayembara tersebut, panel hakim telah menobatkan novel *Restu* sebagai pemenang kedua *Hadiah Novel Melayu Baru Perangsang-Gapena 1993*. Atas kemenangan ini, novel *Restu* (Ismail Kassan, 1996) diterbitkan pertama kali di bawah penerbitan Berita Publishing Sdn. Bhd. dan GAPENA pada tahun 1996.

Kemenangan novel *Restu* dalam sayembara tersebut dilihat memberikan merit terhadap pemilihannya sebagai teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM). Hal ini kerana selepas kemenangan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memutuskan untuk memilih dan mengiktiraf *Restu* sebagai teks mata pelajaran KM. Sejalan dengan pengiktirafan tersebut, novel *Restu* versi Edisi Pelajar telah diterbitkan pada tahun 2000 di bawah terbitan Gapeniaga Sdn. Bhd. Novel *Restu* telah mula digunakan secara rasmi bagi sesi persekolahan tahun 2001 di peringkat tingkatan empat bagi tujuan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2002 sehingga tujuan peperiksaan SPM tahun 2010. Manakala di Singapura, novel *Restu* diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Singapura sebagai teks rujukan rasmi bagi pendidikan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Singapura, khususnya di peringkat pendidikan Pra-Universiti (*Pre-University*). Sejalan dengan penetapan tersebut, novel *Restu* turut dijadikan sebagai bahan rujukan rasmi oleh *Singapore Examination and Assessment Board* (SEAB) bagi menguji keupayaan calon dalam penilaian *Singapore-Cambridge General Certificate of Education (GCE) A-Level Examination*. Dapat dikatakan pengiktirafan terhadap *Restu* seperti yang telah dijelaskan di atas, menjadi antara merit yang menyumbang kepada penobatan Ismail Kassan sebagai penerima anugerah S.E.A. Write Awards daripada kerajaan Thailand pada tahun 2012.

Sorotan Literatur

Pengiktirafan novel *Restu* sebagai teks mata pelajaran KM telah mengundang pelbagai resepsi kritis daripada sarjana, pengkaji dan pengkritik. Antaranya, kandungan novel *Restu* dianggap bertunjangkan "ilmu" sebagaimana yang diperakukan oleh Ab. Rahman et al. (2001: 11) yang berpandangan bahawa idea dasar atau tema yang membangunkan keseluruhan naratif *Restu*

berkaitan rapat dengan usaha mendaulatkan “ilmu” dalam kehidupan. Pemahaman yang hampir sama turut dinyatakan oleh Che Samrah Sarif (2002: 71) dalam kajiannya yang mendapati *Restu* merupakan sebuah karya yang “bermutu” (ungkapan Che Samrah), kerana novel ini berupaya menghasilkan “ilmu baru” (ungkapan Che Samrah). Che Samrah Sarif (2002: 72) turut menyimpulkan isi kandungan novel *Restu* mampu meningkatkan keupayaan intelek dan rohani murid, seperti tulisnya berikut: “Memang tidak dapat dinafikan membaca karya kesusasteraan seperti novel *Restu* dapat menyuntik kekuatan intelek dan rohani...” [Garisian ditambah].

Novel *Restu* turut dijelaskan oleh beberapa pengkaji sastera sebagai sebuah karya sastera yang memaparkan nilai-nilai murni. Ini dapat dibuktikan menerusi kajian beberapa pengkaji, antaranya Napisah Muhammad (2001), Ruzaini Yahya (2001), Ab. Rahman *et al.* (2001), Md. Ishak A. Rahman (2002), dan Saudah Mohamed (2002). Angeline Sebin (2002: 87) pula dalam kajiannya menyimpulkan bahawa novel *Restu* sarat dengan nilai-nilai murni dan unsur pengajaran. Angeline Sebin (2002: 88) berpendapat *Restu* merupakan novel yang berupaya mengubah keperibadian akhlak murid serta corak kehidupan mereka ke arah lebih positif.

Selain itu, Chew Fong Peng (2002) dalam kajiannya berpendapat bahawa *Restu* mempunyai kualiti isi kandungan yang baik. Bagi Chew Fong Peng, *Restu* mengetengahkan gambaran watak dan keperibadian masyarakat “Melayu Baru” (ungkapan Chew Fong Peng) yang memartabatkan kepentingan pendidikan, gigih berjuang untuk mengatasi pelbagai rintangan hidup, serta menggunakan kebijaksanaan dalam mengatasi sesuatu masalah peribadi, sosial, serta negara. Penonjolan nilai-nilai murni serta pegangan agama yang kukuh menerusi watak utamanya mampu memperkukuhkan kredibiliti *Restu* sebagai teks mata pelajaran KM (Chew Fong Peng, 2002). Atas hujah ini, Chew Fong Peng berharap agar lebih banyak novel seperti *Restu* dapat diketengahkan dalam sistem pendidikan kebangsaan, khususnya dalam mata pelajaran KM.

Namun begitu, kualiti kandungan novel *Restu* dikritik oleh dua orang pengkaji iaitu Abdullah Puteh (2001) dan M. Jasni Majed (2001). Abdullah Puteh dan M. Jasni Majed dilihat senada apabila menganggap bahawa cerita dalam *Restu* mengelirukan murid atas beberapa alasan. Antaranya, menurut Abdullah Puteh (2001), penceritaan *Restu* mengandungi paradoks dari sudut latar tempat yang tidak konsisten, selain beberapa kelemahan novel khususnya dari sudut logik penceritaan. Kelemahan ini pada Abdullah Puteh (2001: 9), boleh membuatkan, “pelajar lebih pening kerana mereka sudah dipeningkan dengan beberapa kelemahan lain seperti logik atau tidaknya apa yang dipaparkan serta kadang kala berlaku pertukaran usia atau nama adik beradik Ikram [nama watak protagonis dalam *Restu*]”. Penceritaan novel *Restu* yang dikatakan tidak konsisten dan bercanggah ini turut diketengahkan M. Jasni Majed (2001), yang berpendapat nama watak dalam cerita novel bercanggah dan tidak tekal. Senada dengan Abdullah Puteh, M. Jasni Majed menegaskan bahawa kelemahan ini tidak wajar berlaku kerana boleh mengelirukan pembaca khususnya murid sekolah.

Pernyataan Masalah

Sorotan terhadap beberapa kajian lepas di atas menjelaskan terdapat dua kutub pandangan yang berbeza terhadap kualiti kandungan novel *Restu* sebagai teks mata pelajaran KM. Di suatu pihak, novel *Restu* dikatakan ditunjangi oleh “ilmu” dan sarat dengan nilai-nilai murni, sebaliknya di suatu pihak yang lain, kandungan novel memaparkan kelemahan logik penceritaan sehingga mengelirukan pembaca, khususnya murid sekolah.

Kesenjangan pandangan para sarjana, pengkaji dan pengkritik sastera terhadap teks *Restu* ini merupakan suatu permasalahan yang wajar untuk diberi perhatian, sekali gus mewajarkan artikel ini ditangani bagi merungkai permasalahan tersebut. Ini kerana selaku teks mata pelajaran KM, kualiti kandungannya tidak sewajarnya dipertikaikan memandangkan pemilihannya dilaksanakan secara ketat lagi rapi oleh organisasi yang paling berautoriti iaitu KPM sendiri.

Objektif Dan Bahan Kajian

Lanjutan daripada perbincangan di atas, kajian ini menggariskan dua objektif utama iaitu menganalisis kandungan novel *Restu* dan merumuskan kedudukan 'ilmu' dalam novel *Restu* berdasarkan Persuratan Baru. Bahan kajian dalam artikel ini dipusatkan sepenuhnya kepada teks novel *Restu* karya Ismail Kassan (2000) versi Edisi Pelajar yang telah ditetapkan secara rasmi oleh KPM sebagai teks mata pelajaran KM. Ini bermakna novel *Restu* yang asal yang diterbitkan lebih awal pada tahun 1996 tidak akan dijadikan sebagai antara bahan kajian dalam artikel ini.

Pendekatan Kajian

Artikel ini menerapkan analisis teks (*textual analysis*) yang merupakan salah satu daripada metodologi yang dominan dalam bidang kemanusiaan (*humanities*), khususnya kesusasteraan. Pemilihan pendekatan dilihat bertepatan kerana bahan kajian yang difokuskan adalah teks novel mata pelajaran KM. Penerapan pendekatan analisis teks ini, dengan sendirinya menuntut kepada penerapan satu kerangka bacaan bagi menganalisis teks-teks yang dikaji. Dalam konteks ini, kerangka bacaan yang dipilih ialah Gagasan Persuratan Baru (PB) yang merupakan satu kerangka bacaan yang telah sedia diterapkan dalam pengkajian kesusasteraan Melayu. Sebagai suatu kerangka bacaan, PB merupakan suatu gagasan yang memberi penekanan terhadap ilmu dalam karya sastera. Oleh itu, pemilihan PB sebagai kerangka bacaan bertepatan memandangkan "ilmu" menjadi subjek perbahasan dalam permasalahan kajian yang telah dijelaskan.

Gagasan Persuratan Baru

PB merupakan gagasan yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi Hassan (1992), seorang sarjana sastera tempatan. Penekanan utama PB adalah terhadap ilmu, pemikiran dan nilai-nilai luhur yang diasaskan kepada Islam dalam karya-karya sastera. Dari sudut falsafah, PB ditunjangi oleh pandangan hidup Islam yang berasaskan ajaran Tauhid yang bersumberkan Al-Qur'an dan Sunah, iaitu dua sumber ilmu wahyu yang diperakukan dalam tradisi keilmuan Islam sebagai sumber ilmu yang paling berautoritatif. Berdasarkan pandangan hidup Islam ini, PB melakarkan falsafah Hakikat Insan yang bertujuan untuk meletakkan golongan sasterawan dalam konteksnya yang tepat mengikut pandangan hidup Islam. Dalam konteks tersebut, sasterawan menurut pandangan hidup Islam dipertanggungjawabkan dengan tugas untuk menyampaikan ilmu melalui karya-karya sastera yang mereka hasilkan. Dalam konteks inilah, PB melakarkan falsafah Hakikat Ilmu dan Amal bagi menjelaskan tentang pengertian ilmu terutamanya tingkat-tingkat kedudukannya menurut pandangan hidup Islam, serta kaitannya dengan amal perbuatan manusia, dalam konteks kajian ini ialah kegiatan penulisan karya sastera. Bagi memperjelaskan lagi konteks yang terakhir itu, PB melakarkan falsafah Hakikat dan Fungsi Sastera bagi menjelaskan tentang kedudukan dan peranan sasterawan sebagai manusia yang dianggap memiliki kemahiran berbahasa serta bakat penulisan yang tinggi, yang

dipertanggungjawabkan dengan tugas untuk menyampaikan ilmu, selain menyeru kepada kebenaran dan kebaikan, mencegah kepada kemungkaran.

Terkait dalam soal ilmu, PB menggariskan prinsip dan kefahaman yang penting perbezaan antara ilmu dengan cerita. Yang dimaksudkan ilmu dalam PB merujuk kepada bukanlah semata-mata ilham, akan tetapi merupakan “idea atau hujah intelektual yang dibangunkan secara ilmiah dengan penghuraian dan hujah yang mantap”, manakala cerita pula merujuk kepada “kehadiran dan penggemblengan alat-alat penceritaan seperti watak, plot, konflik, latar dan sebagainya” (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2010: 400-401). Oleh itu, dalam PB, ilmu menduduki martabat lebih tinggi berbanding cerita dan ilmu menjadi penentu yang mencorakkan cerita, dan bukan sebaliknya. Ini bermakna, dalam sesuatu karya kreatif (setepatnya karya persuratan), ilmu mempengaruhi soal pemilihan alat-alat penceritaan yang sesuai untuk menyerlahkan idea atau hujah sejelas mungkin. Pilihan bertunjangkan ilmu inilah yang dimaksudkan oleh PB sebagai *epistemic choice* (Ungku Maimunah, 2012).

Bagi merealisasikan keutaamaan ilmu berbanding cerita, PB menekankan penjanaaan wacana dalam karya kreatif. Amalan kewacanaan dalam PB merangkumi “perbincangan, kupasan, huraian, penjelasan, ulasan, keterangan, bahasan, pembuktian, pengukuhan, sanggahan dan amalan-amalan seumpamanya, yang semuanya menawarkan kemungkinan yang cukup luas untuk urusan pembentukan ilmu, idea, pemikiran yang utuh dan jitu” (Ungku Maimunah, 2012). Pemahaman ini menjadikan wacana itu bukanlah sekadar fakta atau maklumat yang mentah dan dimasukkan ditempelkan di dalam karya, sebaliknya merupakan pemikiran yang terbit dari sejumlah maklumat yang telah disaring sehingga menjadi hujah-hujah ilmiah sehingga menjelaskan sesuatu persoalan atau permasalahan sehingga sampai kepada rumusan atau kesimpulan tertentu (Mohd. Affandi Hassan, 2008).

Berteraskan pemahaman falsafah PB seperti yang telah dijelaskan, PB turut menawarkan alat-alat analisis yang mempunyai dwi-fungsi pada tahap praktikal iaitu untuk tujuan analisis teks dan pengkaryaan. Dalam konteks kajian ini, alat-alat analisis ini diterapkan sebagai alat analisis (*analytical tools*) teks kajian adalah seperti berikut:

- a) Menurut PB, paksi naratif ialah idea dasar atau idea utama yang menunjangi sesuatu cerita secara keseluruhannya. paksi naratif juga merupakan pendirian utama yang menyerlahkan pandangan, tanggapan, dan kecenderungan sesuatu teks seperti novel dalam mengutarakan sesuatu idea atau persoalan dalam keseluruhan cerita. Strategi penggemblengan cerita dalam sesebuah karya sastera seperti novel dipengaruhi oleh paksi naratif (Mohd. Zariat Abdul Rani, 2008: 325). Selain itu, paksi naratif dalam sesebuah karya kreatif seperti novel dapat dikenal pasti antaranya menerusi pengakuan novelis sendiri mengenai idea yang cuba disampaikan dalam hasil tulisannya, kenyataan daripada sarjana, pengkaji, dan pengkritik, dan rangsangsari (*blurb*) pada bahagian kulit novel.
- b) Menurut PB, ruang naratif ialah “ruang yang terbentuk antara bahagian permulaan cerita dengan bahagian pengakhiran cerita”. ruang naratif boleh diisi sama ada dengan isian cerita atau isian wacana (Ungku Maimunah, 2007: 65). Dalam erti kata lain, cerita dalam sesebuah teks sastera seperti novel dapat dianggap sebagai suatu ruang yang mempunyai batas sempadan permulaan dan pengakhirannya, dan ruang ini berupaya dipenuhi dengan isian-isian tertentu bergantung sepenuhnya kepada matlamat penulisan. Ini bermakna, ruang naratif sesebuah novel bebas untuk dimanipulasi oleh penulis untuk dipenuhi sama ada dengan isian cerita yang matlamat utamanya adalah semata-mata untuk menyampaikan “cerita”, atau sebaliknya, diisi dengan isian wacana untuk

menyampaikan “ilmu”. Berdasarkan pemahaman inilah, soal keutamaan atau kecenderungan dalam sesebuah teks sastera seperti novel terhadap “cerita” atau “ilmu” dapat dikenal pasti dengan lebih jelas dan tepat.

- c) Menurut PB, isian wacana ialah idea pengarang yang terbina daripada hujah intelektual pengarang yang dibangunkan secara ilmiah menerusi huraian dan penghujahan yang mantap (Mohd Zariat Abdul Rani, 2010: 401). Idea pengarang ini diberikan penghujahan ilmiah melalui analisis, pengukuhan dan pembuktian hujah yang disokong oleh dalil atau contoh yang diakhiri menjadi suatu rumusan yang lengkap. Penghujahan ilmiah yang sedemikian membina apa yang diungkapkan oleh PB sebagai isian wacana. Dalam konteks pengisian ruang naratif, isian wacana menjadi salah satu daripada bentuk yang boleh mengisi sesebuah novel. Sesebuah novel itu boleh menghadirkan idea dalam bentuk hujah ilmiah yang hadir pada tempat-tempat tertentu sepanjang ruang naratif novel.
- d) Menurut PB, isian cerita ialah cerita yang dibina melalui manipulasi alat-alat penceritaan seperti watak dan perwatakan dan plot. Dalam pembinaan cerita, aspek watak merujuk kepada “pelaku atau tokoh rekaan yang memegang peranan dalam cereka”, manakala aspek Plot pula merujuk kepada susunan peristiwa-peristiwa dalam sebuah cerita bagi karya-karya sastera berbentuk cereka” (Hashim Awang, 1987: 75, 96). Alat-alat penceritaan ini dimanipulasi dengan matlamat mencetus, mengembang dan mengekalkan perjalanan cerita dari awal sehingga akhir novel (Mohd Zariat Abdul Rani, 2010: 401). Manipulasi yang sedemikian inilah yang dirujuk sebagai isian cerita. Dalam konteks ruang naratif, isian cerita menjadi salah satu bentuk isian yang boleh mengisi sesebuah novel. Dengan kata lain, sesebuah novel diisi dengan cerita yang terbina daripada manipulasi alat-alat penceritaan yang diantaranya boleh juga diisi dengan isian wacana, iaitu idea atau hujah intelek oleh pengarang.

Analisis Dan Perbincangan

Dalam mencapai objektif yang disasarkan, bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa subtopik utama. Tujuan pembahagian ini adalah untuk melicinkan penghujahan pada bahagian analisis dan perbincangan.

Paksi Naratif Novel *Restu*

Bagi mengenal pasti paksi naratif *Restu*, analisis ini dimulai dengan meneliti terlebih dahulu resepsi kritis yang diberikan oleh para pengkaji lepas. Antaranya ialah Ruzaini Yahya (2001: 57) yang berpendapat bahawa *Restu* mengetengahkan tema “ketabahan seorang anak muda mengharungi keperitan hidup sehingga akhirnya dia berjaya dalam kehidupannya.” Pendapat yang sama turut diutarakan Md. Ishak Ab. Rahman (2002) yang merumuskan bahawa *Restu* bertemakan “kegigihan dan ketabahan anak muda menghadapi rintangan untuk mencapai cita-cita serta mengubah nasib masa depannya”. Manakala, Napisah Muhammad (2001: 23) pula menyatakan *Restu* mengungkapkan tema kecekalan dan kegigihan Ikram (watak protagonisnya) dan keluarga dalam berhadapan dengan kepayahan hidup yang akhirnya mereka berjaya dalam kehidupan. Pemahaman ini juga turut dipersetujui oleh panel hakim *Sayembara Melayu Baru* yang diselenggarakan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) di bawah tajaan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad pada tahun 1993, yang menyatakan bahawa *Restu* bertemakan perjuangan Ikram yang penuh kesungguhan

dalam menghadapi penderitaan hidup, seperti yang terakam pada rangsangsari novel *Restu* berikut:

Restu mengungkapkan perjuangan watak utama, iaitu Ikram, dalam menempuh kehidupan yang penuh derita tetapi dihadapi dengan kesungguhan. Penderitaan dan kemiskinan bukan halangan malah merupakan motivasi atau penggerak kepada seluruh kekuatan, keimanan dan ketahanan fizikal dan lahiriah. *Restu* memaparkan perjuangan yang beriringan air mata dan kecekan sebelum mengecap kejayaan yang diidamkan. [Garis ditambahkan].

Berbeza dengan resepsi yang diberikan oleh laporan panel *Sayembara Melayu Baru* dan para pengkaji terdahulu, analisis ini mendapati bahawa kegigihan dan kecekan dalam menempuhi kehidupan bukanlah menjadi idea dasar yang menjadi teras paksi naratif *Restu*. Sebaliknya, intipati keseluruhan cerita *Restu* pada hakikatnya mengisahkan tentang pergolakan hubungan cinta sepasang kekasih, Ikram dan Hasnah yang berhadapan tentangan orang tua. Percintaan mereka diceritakan tidak mendapat restu daripada ibu Ikram yang membenci ayah Hasnah iaitu Tok Leman. Justeru, bukanlah satu kebetulan apabila istilah “restu” dipilih dan dijadikan sebagai judul novel. Hal ini kerana penekanan cerita adalah berkisar tentang soal “restu” atau perkenan atau restu ibu bapa yang dapat dianggap dapat merungkaikan masalah hubungan cinta yang dihadapi oleh pasangan kekasih dalam novel ini. Pemahaman ini dapat dikukuhkan lagi menerusi ilustrasi kulit hadapan novel *Restu* yang menampilkan lakaran grafik tiga individu iaitu sepasang kekasih (yang boleh ditafsirkan sebagai merujuk kepada watak Ikram dan watak Hasnah), dan seorang perempuan tua (yang boleh ditafsirkan sebagai merujuk kepada watak ibu Ikram). Lakaran ilustrasi kulit depan novel dengan sedemikian, dan ditambahkan lagi dengan pemilihan perkataan “restu” sebagai judul novel, dapat menggambarkan bahawa cerita berlegar soal tentang pergolakan hubungan cinta antara Ikram dan Hasnah kerana tidak mendapat restu ibu Ikram. Dengan hujah-hujah ini, analisis ini mengajukan “dilema percintaan” sebagai paksi naratif *Restu*.

Ruang Naratif Novel Restu

Berasaskan paksi naratifnya “dilema percintaan”, tumpuan analisis kini beralih kepada aspek ruang naratif *Restu*. Analisis ini mendapati bahawa dengan paksi naratifnya iaitu “dilema percintaan”, *Restu* membentuk ruang naratif yang bermula dengan pertemuan semula sepasang kekasih yang telah terpisah, dan diakhiri dengan perhubungan percintaan mereka terjalin semula. Dengan sempadan cerita ini, ruang naratif novel diisi dengan cerita-cerita tentang latar belakang hubungan antara Ikram dan Hasnah mula terjalin, punca hubungan percintaan yang dihadapi oleh mereka, dan diakhiri dengan cerita-cerita tentang percintaan mereka direstui keluarga. Ini bermakna ruang naratif novel *Restu*

Isian Cerita Novel Restu

Sejajar dengan pembentukan ruang naratif *Restu*, analisis ini mengenal pasti isian cerita sebagai satu-satunya isian yang mengisi ruang naratif *Restu*. Dalam erti kata lain, ruang naratif *Restu* tidak diisi dengan isian wacana sebagaimana yang akan diujahkan nanti. Pengisian ruang naratif *Restu* bermula dengan cerita pertemuan semula sepasang kekasih, iaitu Ikram dan Hasnah yang telah terpisah sekian lama. Pertemuan semula ini diceritakan telah membangkitkan kegelisahan dalam diri Ikram mengenai status kekasihnya Hasnah, sama ada sudah berkahwin atau sebaliknya. Persoalan ini diceritakan menghantuinya sehingga menimbulkan rasa gelisah dan bimbang, kerana Ikram sedar bahawa bakal ada halangan

terbesar yang hubungan percintaan mereka jika ditakdirkan bertaut semula. Dengan bahagian permulaan cerita yang sedemikian, novel memberikan gambaran yang agak jelas bahawa watak Ikram bakal menerajui cerita dalam *Restu*.

Manipulasi Aspek Watak

Jangkaan di atas ternyata berasas apabila analisis ini mendapati bahawa dalam usaha mengejapkan paksi naratif, ruang naratif *Restu* secara signifikan diisi dengan isian cerita melalui manipulasi aspek watak, khususnya watak protagonisnya iaitu Ikram. Sebagai protagonis, watak Ikram dalam *Restu* dipaparkan menerusi dua status yang berbeza, tetapi berkesinambungan, iaitu sebagai pelajar dan sebagai bakal Penolong Pegawai Daerah. Dua status ini memberikan gambaran tentang bahawa hubungan percintaan watak protagonis ini yang melalui satu cakupan masa yang panjang. Bagi membina cerita yang berpaksikan “dilema percintaan”, novel terlebih dahulu menampilkan watak Ikram sebagai individu yang mempunyai rasa kasih, sayang, serta cinta yang mendalam terhadap Hasnah. Sebagaimana yang diceritakan dalam novel, perasaan cinta yang begitu kuat dalam diri Ikram ini sebenarnya telah terbina melalui hubungannya yang baik dan mesra dengan Hasnah sejak di bangku persekolahan sejak dari sekolah rendah sehinggalah sekolah menengah. Dalam konteks ini, ruang naratif novel mulai diisi dengan cerita-cerita tentang perkenalan Ikram dan Hasnah serta “perhubungan” mereka yang dicitrakan sekadar persahabatan, kerana Ikram dan Hasnah diceritakan tidak pernah melafazkan ucapan cinta sesama mereka (Ismail Kassan, 2000).

Dalam mengejapkan lagi paksi naratifnya, novel terus menggembleng watak Ikram dengan menghadirkan dirinya sebagai seorang pemalu. Sifat pemalu ini dapat dilihat apabila novel memaparkan Ikram tidak pernah dan berani meluahkan perasan cintanya kepada Hasnah secara lisan. Analisis ini mendapati bahawa strategi novel dengan membina watak Ikram sebagai seorang pemalu ini membolehkan ruang naratif diisi dengan pelbagai lagi cerita-cerita yang berlegar tentang dilema percintaan yang terpendam.

Seterusnya, bahagian seterusnya dalam ruang naratif diisi pula dengan cerita-cerita tentang bagaimana perhubungan cinta Ikram-Hasnah tidak kesampaian kerana terjadinya konflik sehingga mewujudkan dilema dalam diri Ikram iaitu ketika watak protagonis itu bakal menjadi Penolong Pegawai Daerah. Dalam bahagian ini, Ikram diceritakan tertanya-tanya tentang status Hasnah sama ada telah berkahwin atau pun tidak. Dengan kata lain, perasaan cinta Ikram kepada Hasnah tidak pernah diluahkan secara nyata dan hanya terpendam dalam jiwanya sahaja. Strategi novel ini membolehkan ruang naratif diisi dengan cerita tentang Ikram sebagai seorang yang berjiwa sentimental kerana terkenangkan percintaannya dengan kekasihnya Hasnah (Ismail Kassan, 2000: 27-29, 41-44). Paparan cerita sentimental protagonis ini kemudiannya dikembangkan lagi dengan cerita-cerita tentang usaha protagonis yang mencari jalan untuk bertemu dengan Hasnah. Untuk itu, novel mengisi ruang naratifnya dengan peristiwa Ikram hadir di satu majlis perkahwinan untuk bertemu Hasnah secara sengaja (Ismail Kassan, 2000: 188). Perasaan gelisah dan rindu protagonis ini dapat dilihat menerusi tingkah laku Ikram yang tidak keruan semasa mencari kelibat Hasnah tetapi akhirnya kecewa kerana (Ismail Kassan, 2000: 190-191). Analisis ini mendapati usaha novel untuk menamatkan dilema cinta watak Ikram, ruang naratif *Restu* diisi dengan cerita-cerita tentang watak Ikram meluahkan perasaannya cintanya kepada Hasnah, yang diceritakan menyambut baik cintanya. (Ismail Kassan, 2000: 203-215).

Seterusnya, dalam usaha mengejapkan paksi naratifnya, novel turut mengisi ruang naratif dengan menghadirkan watak protagonis sebagai anak yang hormat kepada ibunya.

Perwatakan ini dimanipulasikan novel bagi membolehkan ruang naratif diperpanjangkan bagi menceritakan secara terperinci tentang dilema cinta yang dihadapi Ikram. Hal ini kerana dilema ini diceritakan berpunca daripada sikap ibunya sangat membenci Tok Leman iaitu ayah Hasnah, dengan sebab yang akan dijelaskan dalam bahagian analisis yang seterusnya nanti. Pada tahap ini, apa yang penting difahami bahawa kebencian watak ibu Ikram kepada Tok Leman menyebabkan dia tidak merestui perasaan cinta Ikram kepada Hasnah, dan hal ini menjadikan watak protagonis itu berada dalam dilema cinta yang berpanjangan. Sebab ini telah membolehkan novel melukiskan pertentangan dalam jiwa protagonis yang pada suatu sisi sangat mencintai Hasnah, tetapi pada satu sisi yang lain seboleh-bolelah tidak mahu melukai hati ibunya kerana tahu ibunya sangat membenci keluarga Hasnah. Dengan menghadirkan cerita tentang kebencian ibu Ikram kepada Tok Leman dan tidak merestui perasaan cinta Ikram kepada Hasnah, maka novel dengan sendirinya berupaya menampilkan protagonisnya sebagai watak yang menghadapi dilema cinta yang berpanjangan. Dilema cinta ini juga menyediakan ruang naratif novel untuk diisi dengan cabaran-cabaran yang menanti perhubungan cinta Ikram-Hasnah. Selain menumpukan fokus cerita terhadap persoalan “restu” ibu dalam perhubungan cinta, strategi ini sekali gus membolehkan novel untuk menjejaskan Paksi Naratifnya, iaitu “dilema percintaan”.

Selain dibangunkan sebagai individu yang beremosi dalam konteks percintaan, analisis ini mendapati bahawa ruang naratif diisi novel dengan paparan cerita tentang watak sebagai pemuda yang berjiwa sensitif atau lebih tepat lagi ialah pantang dicabar, selain mahir bersilat. Ketiga-tiga perwatakan ini diadun secara sepadu dalam watak Ikram bagi membolehkan ruang naratif novel diisi dengan cerita-cerita tentang “dilema percintaan” yang dihadapi oleh watak protagonis yang melibatkan dua peristiwa pergaduhan iaitu pergaduhannya dengan Pak Nawi (Ismail Kassan, 2000: 117-121) dan pertarungan silat antara Ikram dan Rozali. Analisis ini mendapati bahawa kedua-dua peristiwa yang hadir kesan daripada perwatakan Ikram yang beremosi telah ini dimanipulasikan novel untuk membolehkan Hasnah semakin renggang dengan Ikram dan akhirnya Ikram terpaksa keluar dari kampung setelah tanah yang diduduki berpindah milik ke tangan Rozali. Adalah jelas bahawa aspek watak, dalam konteks ini ialah watak protagonisnya, Ikram telah dimanipulasi dengan perwatakan-perwatakan yang membolehkan novel untuk menjejaskan Paksi Naratifnya iaitu “dilema percintaan”, selain turut membolehkan novel mengisi ruang naratifnya dengan cerita-cerita yang dapat mengembang serta mengekalkan perkembangan cerita.

Tidak kurang penting apabila analisis ini turut mengenal pasti strategi novel yang turut menghadirkan watak-watak sampingan bagi tujuan yang sama, seperti yang dinyatakan di atas. Hal ini jelas apabila novel menghadirkan serta memanipulasi watak Hasnah bagi memainkan peranannya sebagai pelengkap kepada kisah hubungan percintaan Ikram. Sama seperti Ikram, watak ini dibangunkan novel sebagai individu yang telah mempunyai perasaan cinta yang mendalam kepada Ikram sejak dari zaman persekolahan lagi. Novel menceritakan bagaimana Hasnah menganggap Ikram sebagai kekasih sejatinya, sungguh pun perasaan itu tidak pernah diluarkannya (Ismail Kassan, 2000: 156). Hasnah diceritakan gembira saat bertemu dan berdua-duaan dengan Ikram. Kemesraan ini dapat dilihat pada deskripsi cerita yang sering menceritakan tingkah laku watak Hasnah yang “menampar tangan Ikram” (Ismail Kassan, 2000: 106). Begitu juga cerita tentang kegembiraan watak Hasnah saat mengetahui bahawa Ikram cemerlang dalam peperiksaan, seperti yang digambarkan dalam novel berikut: “Hasnah seperti mahu memeluk Ikram tetapi tiba-tiba terhenti. Dia terus menyambar tangan Ikram. Tangannya itu dipegangnya erat dan mesra.” (Ismail Kassan, 2000: 162). Akan tetapi, lebih penting dalam konteks pengejapan paksi naratif ialah strategi novel meletakkan watak

Hasnah sebagai anak kepada Tok Leman, yang dengan posisi ini membolehkan cerita mencetuskan konflik kerana ayahnya itu dibenci oleh ibu Ikram. Dengan konflik ini, soal restu ini menjadi persoalan utama yang perlu dikekalkan sepanjang cerita, dan hal ini direalisasikan oleh novel dengan menghadirkan cerita-cerita yang menjadi “cabaran” dalam perhubungan cinta Ikram-Hasnah. Dalam konteks ini, adalah jelas bahawa pengejapan paksi naratif, iaitu “dilema percintaan” secara signifikan melibatkan manipulasi aspek watak, dan dalam konteks ini ialah soal posisi atau lebih tepat ialah hubungan dan pertalian antara watak termasuk watak Hasnah, yang kehadirannya distrategikan sebagai anak kepada watak Tok Leman bagi mencetuskan konflik.

Seterusnya, manipulasi watak sampingan lain dalam usaha mengejapkan paksi naratifnya, turut dilakukan oleh novel menerusi watak Yazid, Tok Leman, dan Ramli yang dimanipulasi secara bersepadu. Analisis ini mendapati penggemblengan watak-watak sampingan ini rata-rata berfungsi untuk memastikan supaya paksi naratif iaitu “dilema percintaan” dapat ditegakkan, atau dengan kata lain, menghadirkan “cabaran” bagi perhubungan cinta Ikram-Hasnah. Untuk itu, novel menghadirkan ke dalam ruang naratifnya “peristiwa hitam” (ungkapan novel) yang melibatkan ketiga-tiga watak tersebut iaitu Yazid (abang Ikram), Tok Leman, dan Ramli.

Menerusi watak Tok Leman, novel menghadirkan watak ini sebagai ketua kampung yang tamak atau *opportunist*, sebagaimana yang diperlihatkan dalam cerita tentang pembelian dan permohonan geran tanah yang melibatkan penduduk kampung. Tok Leman diceritakan telah mengambil wang pembelian tanah dari penduduk kampung, namun atas ketidakcekapan urusan pegawai pejabat tanah, permohonan berkenaan geran tanah tidak berlaku seperti yang dijanji. Hal ini menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan penduduk kampung, khususnya Yazid iaitu abang kepada Ikram. Dengan perwatakan Yazid yang sedia dilengkapkan sebagai remaja yang berperwatakan gegabah dan lekas marah, mewajarkan novel untuk menghadirkan peristiwa pergaduhan antara Yazid dengan Tok Leman dan Ramli (Ismail Kassin, 2000: 74-80). Penting dijelaskan bahawa peristiwa ini menjadi antara “peristiwa hitam” yang menjadi antara “cabaran” yang menghalang perhubungan cinta Ikram-Hasnah, iaitu apabila Yazid dituduh menikam Tok Leman, dan kemudiannya dinasihatkan keluar dari kampung. Hal ini menyebabkan ibu Ikram membenci Tok Leman dan sekali gus tidak merestui hubungan percintaan Ikram dan Hasnah.

Penting untuk difahami bahawa peristiwa ini turut dimanipulasikan oleh novel bagi membuka jalan kepada kehadiran pelbagai cerita yang lain, yang secara lebih signifikan memanipulasi watak Yazid (abang Ikram) dan watak Rozali guna mencetuskan konflik dan sekali gus “cabaran” cinta Ikram-Hasnah. Hal ini jelas apabila Yazid dan Rozali ditampilkan dengan perwatakan mereka yang jahat yang dengan perwatakan ini membolehkan kedua-duanya untuk mendatangkan cabaran kepada hubungan cinta Ikram-Hasnah. Penting dijelaskan bahawa cerita Yazid dituduh menikam Tok Leman dan kemudiannya lari meninggalkan kampung halamannya adalah signifikan dalam usaha mengejapkan paksi naratif novel. Hal ini kerana melalui cerita ini, novel bukan sahaja berupaya mengisi ruang naratifnya dengan “asal-mula” cerita yang menjadi sebab timbulnya dilema atau “cabaran” dalam hubungan cinta Ikram-Hasnah, iaitu apabila ibu Ikram marah dan berdendam dengan Tok Leman kerana menyebabkan anaknya, Yazid (abang Ikram) melarikan diri dari kampung. Kemarahan dan dendam ibu Ikram ini menyebabkan dia tidak memberikan restu kepada hubungan cinta Ikram-Hasnah. Lebih penting difahami pada tahap ini, bagaimana “cabaran” dalam hubungan cinta Ikram-Hasnah diwujudkan antaranya melalui manipulasi watak sampingan seperti Tok Leman, Yazid dan Rozali.

Selain tiga watak di atas, analisis ini turut mengenal pasti watak Pak Nawi dan watak Ramli sebagai watak-watak sampingan lain yang turut dimanipulasi bagi mencetuskan konflik, dan sekali gus mewujudkan “cabaran” dalam perhubungan cinta Ikram-Hasnah. Seperti yang telah dijelaskan di atas, Ikram dan Pak Nawi pernah terlibat dalam pertarungan silat yang menyebabkan Pak Nawi berendam kepada Ikram. Disebabkan itu, Pak Nawi dan Ramli diceritakan berpakat untuk membunuh Ikram ketika watak protagonis itu dan Hasnah sedang “jalan beriringan” (ungkapan novel) dari warung Pak Salleh (Ismail Kassan, 2000: 147-148). Bagi membolehkan cerita ini terjadi, novel memanipulasi watak Pak Nawi dan watak Ramli, kedua-dua sebagai individu yang jahat sehingga membolehkan kedua-dua peristiwa itu terjadi, yang dengan perwatakan-perwatakan ini membolehkan kedua-duanya untuk memainkan peranan sebagai penghalang (dan menjadi “cabaran”) dalam perhubungan cinta Ikram-Hasnah. Strategi ini jelas apabila pergaduhan Ikram dengan Ramli dan Pak Nawi dijadikan sebab Ikram tidak dapat bertemu dengan Hasnah setelah peristiwa Ikram diserang ketika jalan bersama Hasnah, yang kemudiannya mengakibatkan Hasnah dikenakan “perintah berkurung” (ungkapan novel) bapanya. Hal ini sekali gus menyebabkan Ikram dan Hasnah tidak lagi dapat bertemu lagi setelah mereka tamat peperiksaan (Ismail Kassan, 2000: 183). Selain watak-watak sampingan di atas yang kesemua jelas dimanipulasi bagi mencetuskan konflik serta mengujudkan cabaran dalam perhubungan cinta Ikram-Hasnah, lebih signifikan apabila novel memanipulasi watak ibu Ikram (dalam novel, Ikram memanggil ibunya dengan panggilan “Emak”. Manipulasi watak ibu Ikram ini jelas memperhebatkan konflik yang telah sedia tercetus, iaitu apabila ibu Ikram hadir dalam ruang naratif novel sebagai watak ibu yang begitu menyayangi anaknya. Dengan perwatakannya, dia mampu untuk menyimpan kebencian yang begitu mendalam kepada Tok Lemah yang dianggap telah merosakkan masa depan anaknya. Watak ibu Ikram diceritakan begitu marah, benci dan dendam emak kepada Tok Lemah kerana menyebabkan anaknya, Yazid (abang Ikram) menikam Tok Lemah difitnah dan menyebabkan dia lari meninggalkan kampung halaman. Kebencian watak ibu Ikram kepada Tok Lemah antaranya dapat dilihat dalam petikan berikut

Bagi diri emak, keluarga Tok Lemah adalah pembawa bencana kepada dirinya dan abang Yazid. Emak masih belum dapat memaafkan Tok Lemah. Bagi emak, Tok Lemah telah menjadi penyebab kepada kehilangan abang Yazid. Justeru itu, tiada kemaafan langsung dari emak kepada Tok Lemah dan keluarganya.

(Ismail Kassan, 2000: 99)

Dalam perkembangan ruang naratif yang selanjutnya, analisis ini mendapati bahawa novel memanipulasi sepenuhnya watak ibu Ikram bagi memperhebatkan lagi konflik, dan sekali gus mengukuhkan lagi pengejapan paksi naratifnya. Strategi ini jelas apabila novel menghadirkan watak ibu Ikram sebagai seorang wanita yang keras hati, dan dengan perwatakannya itu, dia tidak mudah untuk memaafkan Tok Lemah. Sifat keras hati ini jelas apabila watak ibu Ikram diceritakan bersetuju mengahwinkan Ikram dengan sesiapa sahaja, asalkan bukan “anak atau keluarga Tok Lemah” (Ismail Kassan, 2000: 218). Selain itu, watak ibu Ikram juga berikrar bahawa dia tidak akan mengampunkan dosa-dosa Tok Lemah, seperti yang dicatatkan dalam novel berikut: “Susah bagi emak nak mengampunkan dosa Tok Lemah. Emak tak mampu mengampunkan dia.” (Ismail Kassan, 2000: 219). Sikap keras hati watak ibu Ikram ini penting dalam konteks pembinaan cerita, kerana melaluinya novel berupaya untuk mengekalkan konflik yang menjadi cabaran dalam perhubungan cinta Ikram-Hasnah, selaras dengan paksi naratifnya, “dilema percintaan”. Analisis seterusnya mendapati bahawa dalam

perkembangan cerita yang selanjutnya, watak ibu Ikhrum ini kemudiannya dikeluarkan daripada ruang naratif apabila dia berkahwin baharu setelah bapa Ikram meninggal dunia dan mengikut suami baharunya itu ke Mersing, Johor. Ketiadaan watak ibu Ikhrum dalam ruang naratif ini dengan sendirinya membolehkan novel untuk mengendurkan konflik serta sekali gus menghilangkan “cabaran” dalam perhubungan cinta Ikram-Hasnah. Strategi ini membolehkan watak Ikram dan watak Hasnah dipertemukan semula dan perhubungan cinta mereka bertaut kembali, yang merupakan bahagian akhir dalam ruang naratif *Restu*, seperti yang telah dijelaskan pada awal analisis ini.

Analisis pada tahap ini berusaha untuk memperlihatkan bagaimana aspek watak iaitu pelaku atau tokoh rekaan yang memegang peranan dalam cereka telah dimanipulasi sebagai isian cerita bagi mengisi secara dominan ruang naratif *Restu*. Manipulasi aspek watak ini jelas tertumpu pada strategi untuk menonjolkan watak protagonisnya, Ikram yang begitu larut dalam konflik serta pergolakan cintanya dengan kekasihnya, Hasnah. Manifestasi ini jelas apabila ruang naratif didominasi dengan cerita-cerita tentang konflik dan pergolakan cinta yang dihadapi Ikram (dengan Hasnah) yang memperlihatkan sebahagian besar masa dalam kehidupannya iaitu dari bangku sekolah hingga mula bekerja, diselubungi dengan dilema cintanya yang penuh drama. Adalah jelas yang tertonjol daripada kehadiran (dan manipulasi) watak Ikram ialah kisah perhubungan cinta penuh dilema, berbanding cerita-cerita tentang pelajarannya baik di sekolah. Penonjolan ini diperkuatkan melalui manipulasi watak-watak samping seperti watak ibu Ikram, watak Tok Leman, watak Yazid, watak Rozali, watak Ramli dan watak Pak Nawaj, yang kesemunya hadir dalam ruang naratif novel bagi menonjolkan sebuah kisah cinta penuh liku. Dengan kata lain, dengan manipulasi aspek watak sebagaimana yang telah dianalisis di atas, *Restu* tampil sebagai sebuah “novel cinta” yang mengkehendakan sebuah kisah perhubungan cinta penuh dilema. Kehadiran novel dengan penampilan yang sedemikian turut diperkuatkan pada pemilihan perkataan “restu” sebagai judul novel, yang memberikan isyarat yang jelas bahawa ceritanya adalah tertumpu pada konflik cinta muda-mudi, sebagaimana yang diungkapkan dalam paksi naratifnya iaitu “dilema percintaan”.

Manipulasi Aspek Plot

Seterusnya, analisis ini turut mengenal pasti bahawa pengisian ruang naratif *Restu* juga diisi dengan manipulasi aspek plot, sebagai isian cerita yang mampu mengejapkan lagi paksi naratif novel iaitu “dilema percintaan”. Dalam konteks ini, analisis ini mengenal pasti bahawa dalam usaha novel membina keseluruhan plotnya, teknik imbas kembali telah dimanipulasikan. Justeru, berpaksikan “dilema percintaan”, plot *Restu* dibina melalui suatu jalinan peristiwa yang disusun bagi memaparkan halangan demi halangan terpaksa dihadapi oleh watak protagonis dan watak sampingan. Sejajar dengan pemahaman ini, analisis ini berpandangan bahawa jalinan cerita tentang cabaran percintaan dapat dilihat melalui empat tahap iaitu (1) Pengenalan, (2) Perkembangan, (3) Klimaks, dan (4) Peleraian/Penamatan Cerita.

Pada tahap (1) Pengenalan, ruang naratif novel diisi dengan paparan peristiwa mengenai pertemuan semula sepasang kekasih dalam suatu majlis setelah Ikram dan Hasnah terpisah sekian lama. Pertemuan yang tidak disengajakan ini diceritakan telah menjadikan jiwa Ikram tidak tenteram kerana dia tidak menyangka bahawa Hasnah yang dicintainya sejak dari bangku sekolah masih lagi tinggal di kampung. Ketidaktenteraman Jalil ini berpunca daripada rasa ingin tahunya yang sangat kuat tentang status perkahwinan Hasnah (sudah kahwin atau belum kahwin). Walau bagaimanapun, pertemuan ringkas tersebut berakhir dengan Hasnah terpaksa secara tergesa-gesa sehingga meninggalkan majlis tersebut sehingga membuatkan

Jalil semakin gelisah. Plot pada tahap (1) Pengenalan ini turut mengisi ruang naratif dengan peristiwa sahabat Ikram (Jalil) dapat mengesan ketidaktenangan kegelisahan dalam majlis tersebut dan mendesak agar Jalil menceritakan tentang sejarah hubungannya dengan Hasnah, dan Ikram bersetuju untuk menceritakan tentang sejarah perkenalannya dengan Hasnah sehinggalah mereka terpisah.

Pada tahap plot seterusnya iaitu bahagian (2) Perkembangan Cerita, analisis ini mendapati ruang naratif novel diisi dengan cerita-cerita tentang latar belakang perhubungan Ikram-Hasnah serta cabaran-cabaran percintaan kedua-dua watak ini. Untuk itu, analisis ini mendapati novel telah memanipulasikan teknik “imbas kembali” dalam membina plot untuk menghadirkan peristiwa-peristiwa tentang hubungan Ikram-Hasnah mula terjalin sejak mula dari bangku sekolah dan kemudiannya terpisah, kerana Ikram keluar dari kampung. Penting untuk dijelaskan bahawa binaan plot bahagian (2) Perkembangan ini dibina sepenuhnya pada latar kehidupan Ikram sedang bersekolah dan tinggal dikampung. Dalam memaparkan tentang hubungan Ikram-Hasnah mula tercetus, ruang naratif novel diisi dengan peristiwa keluarga Ikram berpindah ke kampung atas faktor kesihatan bapanya yang merosot sewaktu tinggal di Singapura. Perpindahan ini membolehkan novel menghadirkan peristiwa Ikram ketika berkawan rapat dengan Hasnah setelah ditempatkan duduk bersebelahan sejak di bangku sekolah rendah. Hubungan erat ini terpelihara sehingga ke peringkat pendidikan sekolah menengah. Analisis ini mendapati bahawa bagi memastikan hubungan erat Ikram-Hasnah dihalang dengan cabaran, novel menghadirkan konflik-konflik dalam ruang naratif, antaranya dengan menghadirkan “peristiwa hitam” (ungkapan novel) iaitu pergaduan antara Yazid (abang Ikram) dengan Tok Leman (bapa Hasnah). Peristiwa pergaduan ini kemudiannya telah menimbulkan satu peristiwa yang menghadirkan cerita tentang Yazid yang pada asalnya ingin meminta maaf, tetapi dituduh menikam Tok Leman yang sebenarnya telah diserang oleh Ramli. Rentetan itu, Yazid biar pun tidak bersalah, dia dinasihatkan Pak Usop (lelaki tua di kampung) keluar meninggalkan kampung. Konflik Yazid-Tok Leman ini kemudiannya mencetuskan satu konflik lain yang menjadi cabaran terbesar kepada hubungan antara Ikram-Hasnah, iaitu tentangan ibu Ikram yang tidak merestui hubungan cinta Ikram-Hasnah. Analisis ini mendapati bahawa strategi novel menjejapkan paksi naratifnya adalah dengan menghadirkan peristiwa perpindahan emak Ikram ke Mersing meninggalkan Ikram dan adiknya yang masih bersekolah. Strategi novel ini bagi memastikan Ikram dan Hasnah dapat bertemu dan sekali gus membolehkan hubungan Ikram dan Hasnah hubungan semakin erat. Hal ini direalisasikan melalui peristiwa Ikram dan Hasnah bertemu pada banyak latar tempat seperti di sekolah, di ladang kebun nanas, serta di warung Pak Salleh.

Pada tahap plot seterusnya iaitu (3) Klimaks, analisis ini mengenal pasti strategi novel yang mengisi ruang naratifnya dengan dua peristiwa yang saling bertentangan, iaitu peristiwa Hasnah mengakui dia mencintai Ikram dan peristiwa Ikram berada dalam dilema kerana ibunya berkeras tidak mahu bermenentukan individu dari keluarga Tok Leman. Dalam konteks perkembangan plot, kehadiran kedua-dua peristiwa ini penting bagi membolehkan watak protagonis, Ikram kekal berada dalam dilema percintaannya dengan Hasnah. Untuk itu, novel pertamanya menceritakan bagaimana kehadiran peristiwa pertemuan Ikram dan Hasnah di satu majlis yang dapat menamatkan tanda tanya dalam diri Ikram mengenai status Hasnah, selain menghadirkan pengakuan Hasnah yang mencintai Ikram sejak dari bangku sekolah lagi. Adalah signifikan apabila peristiwa ini diakhiri dengan perbuatan Ikram mengucup tangan Hasnah. Penting untuk dijelaskan bahawa peristiwa ini menjadikan Ikram gembira. Bagi memastikan paksi naratif menjadi lebih kukuh, analisis ini mendapati bahawa plot pada tahap ini turut menghadirkan satu peristiwa yang bertentangan dengan

kegembiraan protagonis, iaitu ibu Ikram mahu mengahwinkan Ikram dengan perempuan lain. Dalam peristiwa ini, novel menimbulkan cerita tentang ibu Ikram yang mula mempersoalkan mengapa Ikram kekal membujang. Novel turut menceritakan bahawa ibu Ikram memberi amaran keras agar bakal isteri Ikram, tetapi bukan dalam kalangan keluarga Tok Leman (ayah Hasnah) yang sangat dibencinya. Ibu Ikram juga diceritakan memberi tempoh agar Ikram memberitahu wanita pilihannya dalam tempoh tertentu, dan jika tiada jawapan, maka ibu Ikram yang akan memilih calon isteri buat Ikram. Dalam konteks ini, kehadiran kedua-dua peristiwa di atas memainkan peranan dalam mengekalkan protagonis dalam dilema percintaannya, dan sekali gus menjadikan soal “dilema percintaan” sebagai fokus yang terus dikekalkan dalam plot.

Dalam usaha novel melengkapkan bahagian terakhir iaitu (4) Peleraian atau Penamatan Cerita plot, analisis ini mendapati bahawa ruang naratif *Restu* diisi dengan peristiwa yang memaparkan cerita tentang ibu Ikram bersetuju untuk memilih Hasnah sebagai bakal menantunya. Bagi memelihara logik cerita melalui penggembleran hukum sebab-akibat yang merupakan aspek penting dalam pembinaan plot, Hasnah diceritakan menyelamatkan ibu Ikram sewaktu di Mekah, dan selepas peristiwa itu, ibu Ikram menjadi lembut hati dan kemudiannya memaafkan Tok Leman. Peristiwa ini turut menceritakan bagaimana ibu Ikram diceritakan telah berjanji kepada Allah SWT di hadapan Kaabah untuk menjadikan Hasnah sebagai menantunya, sebagai petanda terlerainya konflik utama yang menghalang perhubungan cinta Ikram-Hasnah, iaitu restu ibu Ikram.

Analisis di atas dengan jelas mendapati bahawa aspek plot iaitu susunan peristiwa-peristiwa dalam sebuah cerita bagi karya-karya sastera berbentuk cereka telah dimanipulasi sebagai isian cerita yang mengisi secara dominan ruang naratif *Restu*. Lebih khusus, manipulasi aspek plot ini distrategikan untuk memperkukuhkan manipulasi aspek watak yang telah digembler bagi menjadikan dilema percintaan Ikram-Hasnah sebagai cerita yang mendominasi ruang naratif novel. Dengan kata lain, kedua-dua alat penceritaan ini (aspek watak dan aspek plot) telah dimanipulasi bagi mencetus, mengembang, dan mengekalkan perkembangan cerita. Manipulasi aspek watak ini menyerlahkan strategi novel untuk menonjolkan dilema percintaan yang dialami oleh watak protagonis. Bagi memperhebatkan lagi penonjolan dilema percintaan ini, novel turut memanipulasi aspek plot yang digembler dengan melalui jalinan peristiwa yang disusun bagi memaparkan cabaran demi cabaran yang mencetuskan dilema percintaan protagonis.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada hasil-hasil analisis yang diperolehi di atas, adalah jelas bahawa ruang naratif novel *Restu* diisi dengan isian cerita, dan bukannya isian wacana. Ketiadaan isian wacana ini dikesan daripada tiadanya hujah idea pengarang yang terbina daripada hujah intelektual pengarang yang dibangunkan secara ilmiah menerusi huraian dan penghujahan yang mantap. Sebaliknya, ruang naratif novel secara dominan diisi dengan isian cerita melalui manipulasi aspek watak dan aspek plot, seperti yang telah dianalisis di atas. Dengan memanipulasi isian cerita, dapat disimpulkan bahawa *Restu* tampil sebagai sebuah “novel cinta” yang sarat diisi dengan cerita-cerita perhubungan cinta muda-muda yang penuh dengan konflik serta cabaran. Dapat juga disimpulkan bahawa novel *Restu* merupakan “novel cerita” dan bukannya “novel ilmu”. Sebagai “novel cerita”, kandungan novel *Restu* tidak ditunjangi oleh isian wacana sebaliknya diisi dengan paparan nilai-nilai yang negatif tidak sewajarnya didedahkan kepada murid-murid sebagai bahan bacaan, apatahlah lagi sebagai teks rasmi mata pelajaran KM.

References

- Ab. Rahman Ab. Rashid *et al.* (2001). *Kajian Informatif Kesusasteraan Melayu SPM: Novel Restu*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdullah Puteh. (2001, Jun 23). Kecelaruhan Tempat dalam Teks *Restu*. *Berita Harian*, 9.
- Angeline Sebin. (2002). *Unsur-unsur Pengajaran dalam Novel Restu karya Ismail Kassan dan Kesannya kepada Perkembangan Sahsiyah Pelajar: Satu Tinjauan Terhadap Sekolah-Sekolah di Bahagian Pantai Barat Selatan*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusasteraan Melayu). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Chew Fong Peng. (2002, Februari 6). Melayu Baru dalam Novel *Restu*. *Utusan Malaysia*.
- Che Samrah Sarif. (2022). *Kekuatan Rohani dan Intelek Watak Utama dalam Novel Restu Karya Ismail Kassan Sebagai Contoh Pembentukan Peribadi Pelajar Lelaki Yang Baik*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ismail Kassan. (2000). *Restu* (Tingkatan 4 dan 5, Edisi Pelajar). Gapeniaga Sdn. Bhd.
- M. Jasni Majed. (2001, Julai 3). Mencari Kekeliruan dalam Novel *Restu*. *Berita Harian*, 4.
- Md. Ishak A. Rahman. (2002). *Teks Kesusasteraan Melayu KBSM: Kupasan Efektif Restu*. Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan et al. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Satu Pengenalan*. Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2010). Ilmu dan Penjanaan Ilmu dalam Novel Melati Kota Bharu Karya A. Kadir Adabi: Satu Bacaan Intelektual. Dalam Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (Pyt.) *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan Melayu: Teori dan Praktis* (hlm. 383-444). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). Antara Taklif dan Paksi Naratif: Satu Analisis Terhadap Novel Salina Karya A. Samad Said Berdasarkan Persuratan Baru. Dalam Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan* (hlm. 318-353). Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Napisah Mohamad. (2001). *Penghayatan Novel Restu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruzaini Yahya. (2001). *Ulasan dan Soal Jawab Kesusasteraan Melayu SPM: Novel Restu*. Penertbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Saudah Mohamed. (2002). *Ulasan dan Kajian Kesusasteraan Melayu SPM: Teks Novel Restu*. Eastview Sdn. Bhd.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2012). Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(4), 1213-1227.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2007). *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.